

Berita Sarawak

## Pemilik pusat hiburan, penganggur ditangkap disyaki terlibat dadah

September 3, 2015, Thursday



DICEKUP: Kedua-dua suspek dibawa ke Balai Polis Pusat Miri sebaik tangkapan dibuat kelmarin.

MIRI: Dua lelaki termasuk seorang pemilik pusat hiburan disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah berjaya diberkas polis hasil serbuan di dua lokasi berasingan kelmarin.

Kedua-dua suspek berusia 46 dan 36 tahun masing-masing dari Soon Hup Garden dan Taman Permai, Taman Tunku kemudian dibawa ke Balai Polis Pusat Miri untuk tindakan lanjut.

Menurut sumber, bertindak atas maklumat diterima, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri diketuai Sub-Inspektor Bakar Drahman telah membuat serbuan ke sebuah rumah di Taman Permai, Jalan Taman Tunku di sini.

Dalam serbuan dilakukan sekitar jam 10.30 pagi itu, polis menahan seorang lelaki berhubung satu waran tangkap dikeluarkan mahkamah terhadapnya.

Suspek merupakan seorang penganggur kemudian dibawa ke pejabat BSJND Miri untuk menjalani ujian air kencing dan hasilnya mendapati suspek positif dadah jenis Amphetamine.

Berikutan itu dia telah ditangkap untuk membantu siasatan lanjut polis mengikut peruntukan Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 kerana disyaki memasukkan dadah ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Manakala dalam kes kedua, sepasukan polis diketuai Sub-Inspektor Bakar Drahman turut membuat serbuan ke sebuah rumah yang terletak di Soon Hup Garden, Taman Tunku di sini.

Dalam serbuan jam 12.20 tengah hari itu, polis telah menahan seorang lelaki untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Semasa diperiksa, suspek sendiri telah menyerahkan satu bekas plastik segi empat lutsinar berisi sembilan paket plastik kecil lutsinar masing-masing berisi ketulan kristal dipercayai dadah berbahaya jenis syabu dengan berat kasar 6.46 gram.

Barang disyaki dadah itu telah dirampas untuk dijadikan barang kes dan suspek dibawa ke pejabat BSJND Miri untuk menjalani ujian saringan awal air kencing.

Hasil ujian mendapati suspek juga positif dadah jenis Amphetamine. Berikutan itu, dia ditangkap membantu siasatan lanjut polis mengikut Seksyen 39A (1) dan 15 (1)(a) ADB 1952 kerana disyaki memiliki dan memasukkan dadah ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.